

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN MANIVANAN A/L GOWINDASAMY

[KAPAR]

TARIKH : 16 MAC 2015 (ISNIN)

Tuan Manivanan a/l Gowindasamy [Kapar] minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN menyatakan:-

- (a) langkah-langkah dan tindakan Kerajaan untuk memastikan dan menjamin agar barang-barang keperluan dan/atau runcit tidak melalui kenaikan harga secara mendadak sejurus GST diperkenalkan; dan
- (b) sama ada Kerajaan akan mengecualikan kos pendidikan (termasuk semua jenis buku dan alat tulis) dan kos perubatan (termasuk semua jenis perkhidmatan dan ubat-ubatan) daripada cukai GST.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian sedar akan kemungkinan berlakunya kenaikan harga oleh mereka yang tidak bertanggungjawab dan cenderung mengambil kesempatan mengeksploitasi keadaan melalui pelaksanaan GST atau perubahan harga bahan petroleum di pasaran. Oleh itu, Kementerian kini sedang mengambil langkah-langkah bagi memastikan perkara ini ditangani melalui penguatkuasaan **Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 dan Peraturan-Peraturan Kawalan Harga dan Antipencatutan (Mekanisme Untuk Menentukan Keuntungan Tinggi Yang Tidak Munasabah) (Margin Keuntungan Bersih) 2014.**

Akta dan Peraturan ini memperuntukan kaedah-kaedah bagi menentukan pencatutan semasa GST sebagai usaha memastikan tindakan penguatkuasaan yang berkesan ke atas mana-mana pihak yang mengambil kesempatan menaikkan harga atau caj bagi perkhidmatan sewenang-wenangnya dengan menggunakan GST sebagai alasan.

Kementerian sedang mengambil beberapa tindakan proaktif bagi menangani kenaikan harga barang keperluan yang dilakukan oleh mana-mana pihak yang memanipulasikan keadaan untuk menaikkan harga secara tidak munasabah. Tindakan-tindakan tersebut adalah seperti berikut.

- i. **Melaksanakan gerak gempur secara terancang dan berfokus melalui operasi penguatkuasaan ke atas keseluruhan rantaian pengedaran barangan dan perkhidmatan di seluruh negara untuk**

menangani kenaikan harga barang dan caj bagi perkhidmatan yang tidak berpatutan dalam pasaran melalui **OPS CATUT** yang telah berkuatkuasa pada **15 Januari 2015**. Sepanjang pelaksanaan **OPS CATUT** sehingga **4 Mac 2015**, sebanyak **335,647** pemeriksaan telah dijalankan di seluruh negara dan dari jumlah ini, sebanyak **1,185 kes** telah dihasilkan dengan nilai rampasan sebanyak **RM 384,834.62** dan nilai kompaun sebanyak **RM 235,986.70**. Daripada jumlah keseluruhan kes tersebut sebanyak **1,165 kes** membabitkan kesalahan tidak meletakkan tanda harga, **642 kes** penggunaan alat timbang sukat yang tidak ditentukan, **31 kes** atas kesalahan petunjuk atau gambaran mengelirukan mengenai harga, dan **47 kes** atas kesalahan tidak mempamerkan tanda harga merah jambu semasa pelaksanaan Skim Kawalan Harga Musim Perayaan (Tahun Baharu Cina).

- ii. **Menguatkuasakan tindakan yang tegas melalui pengeluaran Notis di bawah Seksyen 21 Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011** ke atas mana-mana pihak yang didapati menaikkan harga secara mendadak dan ketara. Sehingga kini sebanyak **153 Notis** dikeluarkan terhadap peniaga yang cuba menaikkan harga barangan. Notis ini mewajibkan peniaga mengemukakan penjelasan dan maklumat mengenai kenaikan harga dan ini merupakan satu langkah pengawalan peniaga-peniaga yang tidak bertanggungjawab dan memanipulasikan harga. Peniaga yang gagal atau enggan memberi penjelasan terhadap kenaikan tersebut atau gagal mengemukakan maklumat yang diarahkan boleh dikenakan tindakan undang-undang di bawah Akta ini;

- iii. Melaksanakan **Skim Kawalan Harga Musim Perayaan** (sebagai satu kaedah untuk menyekat kenaikan harga yang tidak munasabah semasa permintaan tinggi pada musim-musim perayaan. Pada tahun ini, Skim Kawalan Harga Musim Perayaan telah dilaksanakan semasa Tahun Baharu Cina. Skim ini akan terus dilaksanakan bagi perayaan Hari Gawai, Pesta Kaamatan, Hari Raya Puasa, Deepavali dan Krismas yang akan datang. Semasa skim berkuatkuasa, peniaga dikehendaki menjual barang harga terkawal tidak melebihi harga maksimum yang ditentukan Kerajaan. Kegagalan berbuat demikian boleh diambil tindakan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011.
- iv. Kerajaan juga mewajibkan peniaga runcit meletakkan tanda harga ke atas barang yang dipamerkan untuk jualan atau mempamerkan senarai harga di bawah **Perintah Kawalan Harga (Penandaan Harga oleh Penjual Runcit) 1993**. Dengan ini, pengguna boleh mendapat maklumat harga sebelum membeli sesuatu barang. Penandaan harga ini memberi peluang kepada pengguna membuat pilihan untuk membeli barangan pada harga yang berpatutan. Peniaga yang gagal mematuhi keperluan perundangan ini boleh diambil tindakan di bawah Perintah tersebut.
- v. Mengadakan **engagement** dengan persatuan perniagaan, pengeluar, pembekal, pemborong, pengimport dan pengusaha perkhidmatan pada 10 Februari 2015 untuk mendapatkan komitmen daripada pihak industri dan peniaga untuk menurunkan harga barangan dan caj bagi perkhidmatan berikutan dengan penurunan harga bahan petroleum di pasaran. Ia bertujuan memastikan impak pelaksanaan GST dapat memberi kesan yang

positif kepada pengguna harga barangan secara tidak langsung akan membolehkan pengguna mendapatkan harga barangan dan caj bagi perkhidmatan yang lebih rendah di pasaran.

- vi. Denda dan penalti yang berat akan dikenakan ke atas peniaga yang ingkar di mana bagi orang perseorangan ialah denda sehingga RM100,000 atau tiga tahun penjara bagi kesalahan pertama dan RM250,000 atau lima tahun penjara bagi kesalahan kedua dan berikutnya. Bagi pertubuhan perbadanan atau syarikat pula dikenakan denda RM500,000 bagi kesalahan pertama dan RM1 juta bagi kesalahan kedua dan berikutnya.
- vii. Menerbitkan Buku Panduan Harga Pengguna (*Shopper's Guide*) yang bertujuan untuk membantu rakyat Malaysia khususnya pengguna dalam membuat perbandingan harga barangan keperluan asas sebelum dan selepas pelaksanaan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST). Buku ini dapat dicapai oleh para pengguna melalui portal KPDNKK iaitu <http://ebook.kpdnkk.gov.my/>.

Justeru itu, melalui langkah-langkah ini, matlamat Kerajaan untuk menangani masalah kenaikan harga barangan secara tidak terkawal yang menyebabkan bebanan perbelanjaan harian rakyat meningkat terutamanya melibatkan golongan yang berpendapatan sederhana dan rendah dapat dicapai. Ini sudah tentu akan memperbaiki dan seterusnya meningkatkan kualiti hidup rakyat agar dapat menikmati kesejahteraan hidup.